ETIKA DAN ADAB DALAM RAWATAN ISLAM

Sifat Empati dan Kesediaan Mendengar
Hamparkan empati di pentas pertemuan, bukalah hati mendengar luahan,
Pesakit yang datang membawa beban, jiwa yang sarat dengan keluhan.
Jangan terburu melontar jampi, tataplah gerak gerinya dengan penuh perhatian,
Dengarla keluhan dengan sabar, raikan resah yang membuat mereka kelelahan;
Layanan mesra adalah penawar pertama, sebelum ayat mula dibacakan.

Didikan Tentang Tauhid dan Penyakit
Didiklah pesakit tentang hakikat penyakit,
Zahirnya jin dan syaitan, tetapi hakikatnya teguran Allah agar jangan ralit.
Tanamkan taqwa dan tawakal, lazimkan doa dan zikir walaupun sulit
Kerana bila tauhidnya tegak, di situ benteng kesembuhan mula membibit.

Batasan Aurat, Sentuhan dan Rukhsah Syarak
Dalam rawatan, batasan aurat dan kehormatan wajib ditutup rapi,
Lelaki pusat hingga ke lutut, wanita seluruh jasad kecuali muka dan jemari.
Rukhsah perubatan membenarkan bukaan, namun terikat kadar darurat yang hakiki,
Utamakan perawat sejantina, sentuh dan pandang hanya pada tempat yang diuji;
Jangan melampaui kadar yang perlu, kerana hukum asal haramnya tetap berdiri.

Fitnah Hubungan dan Rawatan Terbuka
Pelihara komunikasi dengan pesakit, jauhkan fitnah di balik dinding dan tirai,
Hadirkan mahram jika berlainan jantina, jangan sesekali khalwat terungkai.
Elakkan rawatan terbuka (*live*) di ruang maya, demi kejar pengaruh dan sorak ramai,
Mendedahkan aib dan raut penderitaan pesakit, merosakkan keikhlasan berderai;
Simpan rahsia pesakit rapat-rapat, kerana maruah mereka jangan diabai.

Adab Sang Mu'allij
Ilmu tanpa adab ibarat pohon tanpa buah, hebat di mata hambar di jiwa,
Mu'allij sejati disuluh pada etika syariat, bersikap jujur, amanah, dan bertaqwa.
Rawatlah hamba Allah dengan rahmah, jaga batas agama di setiap langkah dan tawa,
Moga setiap sentuhan dan doa, beroleh keberkatan dari Allah Maha Pencipta;

ETIKA DAN ADAB
DALAM RAWATAN ISLAM

RAWATAN YANG BERKAT • HATI YANG IKHLAS • REDA ALLAH TUJUAN UTAMA

1 JANGAN MENCARI NAMA, JADIKAN SAKIT ORANG SEBAGAI PERTUNJUKAN

Jangan kerana ingin mengejar **nama di media sosial**, kau jadikan kesakitan orang lain sebagai pertunjukan live.

INGAT!
ALLAH MELIHAT NIATMU, BUKAN JUMLAH FOLLOWERSMU.

2 JAGA MARUAH & AURAT PESAKIT, IA HAK MEREKA

Menjaga maruah dan aurat pesakit adalah hak mereka yang **wajib kau pertahankan.**

KAEDAH FIQH PERUBATAN:
الضَّرُورَةُ تُقَدَّرُ بِقَدْرِهَا
"Darurat itu diukur mengikut kadarnya sahaja"
(Al-Darurat tuqaddaru bi qadariha)

3 RAWAT DENGAN KASIH, BIMBING KEMBALI KEPADA ALLAH

- Jangan sentuh atau buka apa yang **tidak perlu.**
- Rawatlah mereka dengan **rasa kasih.**
- Dengarlah **rintihan** mereka.
- Bimbinglah hati mereka kembali **mengagungkan Allah.**

JANGAN MENGAGUNGKAN PENYAKIT ATAU DIRIMU

حَسْبُنَا اللَّهُ

NIAT IKHLAS • ILMU YANG SAHIH • ADAB YANG TERJAGA • REDA ALLAH
Itulah kunci keberkatan dalam setiap rawatan.

"Dan orang yang paling baik antara kamu ialah yang paling baik terhadap orang lain."
(HR. At-Tirmizi)